

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	13 FEB 2015

## AS tiada hak persoal undang-undang negara

Um-13/2/2015

**KUALA LUMPUR 12 Feb.** - Bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad menegaskan Amerika Syarikat (AS) tidak mempunyai hak untuk mengkritik mahupun mempersoalkan keputusan Mahkamah Persekutuan yang mengekalkan hukuman penjara lima tahun ke atas Ketua pembangkang, Datuk Seri Anwar Ibrahim yang didapati bersalah meliwat bekas pembantu peribadinya, Mohd. Saiful Bukhari Azlan.

Katanya, AS sepatutnya meng-

kritik diri sendiri kerana dalam institusi perundangan negara itu membenarkan seseorang dipenjara tanpa bicara.

"Mereka (AS) ingat mereka kuasa besar mereka boleh buli kita, sebab kita tidak boleh buli mereka, maka mereka buatlah macam-macam keputusan," kata pada sidang akhbar selepas menghadiri forum bertajuk *Dilema Rakyat Malaysia* di Bangsar South City, di sini hari ini.

Dr. Mahathir berkata demikian

bagi mengulas petisyen rakyat AS yang mendesak Presiden negara itu, Barack Obama mempercepatkan pembebasan Anwar.

Mengulas tindakan tersebut, Dr. Mahathir berkata: "Itu hak mereka mahu buat petisyen, kita juga boleh buat petisyen supaya jatuhkan presiden mereka. Kita sepatutnya membuat petisyen supaya mereka jangan mengganggu negara kita, negara sendiri pun mereka tidak boleh jaga."



**DR. MAHATHIR MOHAMAD** beramah mesra dengan peserta selepas menyampaikan ucapan dalam forum bertajuk *Dilema Rakyat Malaysia* di Kuala Lumpur, semalam.